



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MAKLUM BALAS BERKAITAN STATUS PEMBAYARAN INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH DAN INSENTIF PENUAIAN PADI

1. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk memastikan pelaksanaan insentif pembajakan dan penuaian padi kepada pesawah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Kerajaan telah bersetuju membuat pelarasan kadar Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) daripada RM100 per hektar kepada RM160 per hektar per musim serta pengenalan insentif baharu iaitu Insentif Penuaian Padi pada kadar RM50 per hektar per musim kepada pesawah bermula tahun 2025.
2. Untuk makluman, pelaksanaan insentif pembajakan kepada pesawah ini melibatkan dua kaedah agihan utama, iaitu:
 - a) pembayaran tunai tambahan sebanyak RM60 per hektar kepada pesawah yang telah **selesai membuat kerja-kerja pembajakan dan telah membuat tuntutan** bagi kerja-kerja pembajakan bagi penanaman pada musim 1 tahun 2025; dan
 - b) pembayaran sebanyak RM160 per hektar mengikut mekanisme sedia ada di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) iaitu melalui penyedia perkhidmatan/pemilik jentera bagi penanaman padi musim 2 tahun 2025,
3. **Dari segi status pelaksanaan pembayaran insentif tambahan sebanyak RM60 per hektar kepada pesawah yang telah menanam pada musim 1**

tahun 2025, KPKM kini sedang memuktamadkan nama pesawah yang layak menerima insentif ini berdasarkan tuntutan yang dibuat melalui pemilik jentera dan penyedia perkhidmatan. Ia akan dibayar sebaik sahaja senarai nama tersebut dimuktamadkan. Ianya akan mengambil sedikit masa memandangkan terdapat tuntutan oleh pihak penyedia perkhidmatan yang telah selesai membuat kerja-kerja membajak tetapi belum selesai mengemukakan tuntutan kepada agensi.

4. Pembayaran insentif pembajakan kepada pesawah sebanyak RM160 per hektar bagi penanaman musim 2 tahun 2025 pula, ianya akan dilaksanakan melalui mekanisme sedia ada pada masa ini iaitu melalui pemilik jentera/penyedia perkhidmatan.

Maklumat tambahan:

5. Bagi Insentif Penuaian Padi pula, pembayaran RM50 per hektar akan dibuat setelah kerja-kerja penuaian selesai dilaksanakan dan dituntut oleh pemilik jentuai atau penyedia perkhidmatan yang berdaftar dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), bermula musim 2 tahun 2025. Pada masa ini agensi sedang melaksanakan proses pendaftaran jentuai bagi membolehkan proses pembayaran dilaksanakan apabila kerja-kerja penuaian selesai dilaksanakan kelak.
6. Kementerian mengambil maklum berhubung isu kelewatan pembayaran insentif dan kini sedang giat melaksanakan proses pembayaran insentif tersebut secara berperingkat kepada pesawah.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

